

1,409 pindah

Kuching banjir akibat hujan 3 jam

>>Oleh Rabi'Atul 'Adawiyah Ismail

rabiatul@hmetro.com.my

KUCHING: Hujan lebat tanpa henti selama tiga jam yang melanda bandar raya ini, semalam menyebabkan beberapa kawasan dilanda banjir kilat dan tiga sekolah terpaksa ditutup.

Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu Num-pang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri, berkata hujan lebat tu-

rut menyebabkan beberapa jalan raya utama di bandar raya ini ditutup, sekali gus mengalami kesesakan luar biasa selama dua jam.

Katanya, sebanyak 300 keluarga membabitkan 1,409 orang terpaksa dipindahkan ke lima pusat perpindahan mangsa banjir yang dibuka sebaik keadaan bertambah buruk.

"Banjir kilat yang berlaku ini tiada kaitan dengan benteng penahan air laut atau tambatan banjir yang tidak berfungsi kerana paras air masih pada tahap normal



GENANGAN AIR...penduduk membantu kanak-kanak menggunakan rakit buatan sendiri ke tempat tinggi.

iaitu sekitar sembilan meter.

"Faktor taburan hujan sebanyak 150 milimeter dalam tempoh tiga jam semalam adalah luar biasa sehingga menyebabkan sistem perparitan di bandar raya ini tidak dapat menampung jumlah air yang banyak," katanya pada sidang media di Bilik

Gerakan Banjir di Wisma Bapa Malaysia di sini, semalam.

Katanya, antara kawasan yang terjejas ialah Kampung Sandong, Jalan Stephen Yong, Kampung Sinar Budi dan Taman Sinar Wira.

Jalan ditutup bermula jam 7 pagi dan dibuka pada 2.30

petang semalam, bagi semua kenderaan membabitkan Jalan Laksamana Cheng Ho, Jalan Badruddin, Jalan Batu Kawah, Jalan Stapok, Green Road, Jalan Matang, Taman Desa Wira, Jalan Sultan Tengah dan Jalan Batu Lintang.

Sementara Sekolah Ke-

bangsaan (SK) St Thomas juga terpaksa ditutup berikutan kebanyakan pelajar dan guru terkandas kerana beberapa jalan utama dinaiki air. Manakala, SK Bukit Lintang dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Lintang ditutup kerana dinaiki air.